

Tarikh Berkuat Kuasa: 29 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT
PROMOSI TAKAFUL AEON BANK

Promosi Takaful AEON Bank ini dianjurkan oleh AEON Bank (M) Berhad (No. Pendaftaran 202201026163 (1471860-K)) ("**Promosi**"). Promosi-promosi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini ("**Terma dan Syarat**"), Terma dan Syarat Produk Takaful dan terma dan syarat berkaitan yang lain yang dipaparkan di Aplikasi AEON Bank. Sebarang maklumat lanjut berkenaan Promosi ini boleh didapati di <https://www.aeonbank.com.my/ms/promotions/awareness>.

1. Definisi

"AEON Bank" atau "Bank"	Merujuk kepada AEON Bank (M) Berhad, iaitu pengedar sah bagi Produk Takaful.
"Aplikasi AEON Bank"	Merujuk kepada aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan AEON Bank.
"Akaun Simpanan-i AEON Bank"	Merujuk kepada akaun simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank.
"Mata Ganjaran AEON"	Merujuk kepada mata kesetiaan yang diberikan kepada ahli Program Keahlian AEON.
"Program Keahlian AEON"	Merujuk kepada program kesetiaan yang dimiliki oleh AEON Credit Service (M) Berhad (No. Pendaftaran 199601040414 (412767-V)).
"Pelanggan"	Merujuk kepada pelanggan AEON Bank.
"Tempoh Semakan Percuma"	Merujuk kepada tempoh semakan percuma selama lima belas (15) hari yang boleh dinikmati oleh Pelanggan selepas berjaya melanggan Produk Takaful.
"Produk Takaful"	Merujuk kepada produk Takaful <i>Personal Accident</i> dan <i>Term Takaful</i> yang boleh dilanggan oleh Pelanggan melalui Aplikasi AEON Bank selaras dengan Terma dan Syarat Produk Takaful.
"Ganjaran"	Merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Pelanggan menurut Promosi ini, seperti yang diperincikan dengan lebih lanjut di Klausula 4.1.1 dan 4.1.2.
"Pelanggan Baru"	Merujuk kepada Pelanggan yang berjaya mendaftar dan mengaktifkan Akaun Simpanan-i AEON Bank dalam Tempoh Promosi.

2. Kriteria Kelayakan

- 2.1 Untuk layak menyertai Promosi ini, Pelanggan hendaklah melanggan Produk Takaful menurut Terma dan Syarat Produk Takaful, dalam Tempoh Promosi dan tertakluk kepada Mekanik Promosi seperti yang tersedia di Klausula 4 di bawah.
- 2.2 Pelanggan yang berikut adalah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:
- (a) Pelanggan yang Akaun Simpanan-i AEON Bank mereka tidak aktif/dorman, ditamatkan, ditutup, delinkuen atau dianggap dikendalikan secara tidak memuaskan seperti mana yang ditentukan oleh AEON Bank; dan/atau
 - (b) Pelanggan yang atau menjadi tidak sempurna akal, meninggal dunia, diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua bentuk yang dimulakan terhadap mereka.

3. Tempoh Promosi

- 3.1 Promosi ini akan bermula pada 29 Oktober 2025 dan berakhir pada 31 Disember 2026, atau lebih awal sekiranya Ganjaran telah habis, yang mana yang berlaku dahulu.
- 3.2 Sebarang lanjutan Tempoh Promosi akan ditentukan oleh AEON Bank atas budi bicara mutlaknyanya.

4. Mekanik Promosi

4.1 Promosi Takaful *Personal Accident*

- 4.1.1 Pelanggan yang berjaya melanggan pelan Takaful *Personal Accident* dengan jumlah perlindungan RM50,000 layak menerima Ganjaran berikut, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Pelan Takaful	Kriteria Kelayakan	Ganjaran	Penebusan Maksimum
Pelan Takaful Personal Accident dengan Jumlah perlindungan RM50,000	Promosi ini hanya tersedia untuk Pelanggan Baru yang memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan di Klausula 2.	Perlindungan percuma selama enam (6) bulan (" Freemium ")	11,111 Pelanggan Baru yang pertama

- 4.1.2 Pelanggan yang membatalkan langganan pelan Takaful *Personal Accident* mereka dalam Tempoh Semakan Percuma tidak akan dapat menikmati Freemium selepas pembatalan dibuat. Sebarang langganan semula pelan Takaful Personal Accident berikutan pembatalan tersebut adalah tertakluk kepada bayaran caruman bulanan secara penuh

4.2 Promosi *Term Takaful*

- 4.2.1 Pelanggan yang berjaya melanggan pelan *Term Takaful* layak untuk menerima Ganjaran berikut, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Pelan Takaful	Kriteria Kelayakan	Ganjaran	Penebusan Maksimum
<i>Term Takaful</i> dengan jumlah perlindungan RM50,000	Promosi ini tersedia untuk semua Pelanggan yang memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan di Klausula 2.	400 Mata Ganjaran AEON	10,000 Pelanggan yang pertama
<i>Term Takaful</i> dengan jumlah perlindungan RM80,000		600 Mata Ganjaran	10,000 Pelanggan yang pertama

- 4.3 Ganjaran AEON Points ini ditawarkan secara siapa cepat, dia dapat dan tertakluk kepada had penebusan maksimum sepertimana yang diperincikan dalam Klausula 4.1.1 dan 4.2.1.
- 4.4 Sekiranya Pelanggan melanggan kedua-dua pelan Takaful *Personal Accident* dan *Term Takaful*, Pelanggan tersebut boleh menerima Ganjaran di bawah kedua-dua Promosi, tertakluk kepada kriteria kelayakan dan ketersediaan. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Pelanggan hanya boleh melanggan salah satu (1) pelan di bawah pelan *Term Takaful*.
- 4.5 Mata Ganjaran AEON akan dikreditkan ke dalam akaun Program Keahlian AEON Pelanggan dalam tempoh satu (1) bulan kalendar dari tarikh langganan yang berjaya.
- 4.6 Ganjaran tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak dan ditukar dengan wang tunai atau kredit atau sebaliknya.
- 4.7 Sekiranya (i) Pelanggan menutup Akaun Simpanan-i AEON Bank dan/atau keahlian Program Keahlian AEON Mereka, atau (ii) Akaun Simpanan-i AEON Bank atau keahlian Program Keahlian mereka digantung, dibekukan atau ditutup atas apa-apa sebab sekalipun semasa Tempoh Promosi atau pada masa pemenuhan Ganjaran, AEON Bank berhak untuk:
- (a) membatalkan kelayakan Pelanggan tersebut untuk menyertai Promosi ini;
 - (b) menarik balik atau melucut Ganjaran yang diberikan kepada Pelanggan tersebut tanpa sebarang notis terlebih dahulu;
 - (c) menolak untuk mengkreditkan sebarang Ganjaran kepada Pelanggan tanpa sebarang notis terlebih dahulu;
 - (d) mengambil sebarang tindakan lain yang dianggap perlu oleh AEON Bank terhadap Pelanggan.

5. Terma dan Syarat Am

- 5.1 AEON Bank berhak untuk meminda mana-mana bahagian Terma dan Syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman sesawang Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank dan Pelanggan akan terikat dengan pindaan tersebut.
- 5.2 Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat yang terkandung di sini sebelum mengambil bahagian dalam Promosi ini. Dengan menyertai atau mengambil bahagian dalam Promosi ini, Pelanggan dengan ini sepenuhnya dan tanpa syarat bersetuju dan menerima untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat Produk Takaful dan sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan.

- 5.3 Mata Ganjaran AEON dikeluarkan oleh AEON Credit Service (M) Berhad. Oleh itu, dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Pelanggan bersetuju dengan terma dan syarat Program Keahlian AEON yang boleh didapati di <https://aeonbank.com.my/loyalty>.
- 5.4 AEON Bank berhak untuk membatalkan, meminda, menarik balik, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Promosi ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman sesawang Bank, Aplikasi AEON Bank atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh AEON Bank dari semasa ke semasa. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, pemindaan, lanjutan, penggantungan atau penamatan Promosi ini pada bila-bila masa tidak akan memberi hak kepada Pelanggan untuk menuntut sebarang pampasan daripada AEON Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan, lanjutan, penggantungan atau penamatan tersebut.
- 5.5 Jika Pelanggan didapati tidak layak atau didapati telah melakukan penipuan dalam apa jua bentuk pada bila-bila masa semasa atau selepas Promosi ini, AEON Bank berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan kelayakan Pelanggan tersebut dan membatalkan/menarik balik/meminta semula sebarang Ganjaran yang diberikan kepada Pelanggan tersebut, dan jika gagal, Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk memberi pampasan kepada AEON Bank bagi nilai dan kos Ganjaran tersebut. AEON Bank juga berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang dianggap perlu terhadap Pelanggan tersebut.
- 5.6 AEON Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) bagi mana-mana pihak bagaimana sekalipun ia timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Promosi ini.
- 5.7 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju dengan [Notis Privasi](#) AEON Bank di mana Pelanggan bersetuju untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses, dan digunakan oleh AEON Bank.
- 5.8 Dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Pelanggan bersetuju bahawa AEON Bank tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan jika AEON Bank tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada kewajipan di sini yang boleh dikenakan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, wabak atau sebarang bencana alam yang berada di luar kawalan AEON Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor yang berkaitan dengan *force majeure* yang berada di luar kawalan AEON Bank secara munasabah.
- 5.9 AEON Bank dan pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh AEON Bank untuk tujuan Promosi ini) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh seorang Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari Promosi ini, kecuali disebabkan oleh kecuai atau salah laku yang disengajakan oleh AEON Bank berkaitan dengan Promosi ini secara khusus.
- 5.10 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan promosi ini hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

- 5.11 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti, dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubungan dengan promosi ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 5.12 Keputusan AEON Bank berkenaan dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan diguna pakai dan sebarang pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 5.12 Terma dan Syarat ini mungkin juga tersedia dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kekaburan atau perbezaan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia ini, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris akan terpakai.